



**PANGKALAN WEB BERMAKLUMAT  
DIET ANDA**

**FERIAL BT ABDUL WAHAB  
(WET 98178)**

**PENYELIA: EN.NORZAILY MOHD. NOR**



**LAPORAN INI DISERAHKAN KEPADA FAKULTI SAINS  
KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
UNIVERSITI MALAYA  
UNTUK MEMENUHI KURSUS  
SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT**

## **PENGISYTIHARAN**

Adalah dimaklumkan bahawa saya pelajar tahun akhir sarjana muda teknologi maklumat mengaku bahawa laporan latihan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri dan tidak pernah dihantar ke mana - mana peringkat ijazah atau diploma universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain. Segala maklumat yang diambil hasil daripada penerbitan atau hasil kerja pihak lain amatlah dihargai dan juga disertakan rujukannya

**FERIAL BT. ABDUL WAHAB**

**WET 98178**

**26 JANUARI 2001**



## **PENGHARGAAN**

Bersyukur di atas limpah kurnia ilahi kerana dengan izinnya dapat juga saya menyiapkan projek latihan ilmiah II ini dengan seadanya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu En. Norzaily Mohd. Nor yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan pendapat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya, Abdul Wahab Bin Adnan serta Shamim Bt. Abdul Kadir di atas sokongan dan dorongan yang diberikan.

Akhir sekali ribuan terima kasih buat En. Abdul Wahid Bin kamarudin, Muhd Firdaus Bin Abdul Wahab dan Muhd Shafiq Bin Abdul Wahab serta teman - teman seperjuangan yang amat saya sanjungi yang banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini terutamanya Wan Norasmira, Wan Shakirin Bin Wan Mustafa, Ema Shuaida Bt. Shuaid dan Azniah Bt. Zainal Abidin

Dengan tersiapnya tesis pangkalan web diet anda ini, saya amat berharap ia akan dapat memberi faedah kepada masyarakat tempatan amnya.

## **ABSTRAK**

Kemajuan serta kepesatan dalam bidang teknologi maklumat telah membawa kita ke satu dunia baru yang berteraskan maklumat digital. Kebanyakan maklumat boleh dicari dan diperolehi dengan sekelip mata menggunakan internet.

Laman web diet anda versi bahasa melayu yang akan dibangunkan ini bertujuan untuk memberi kemudahan serta kefahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat tempatan tentang perkara - perkara yang berkaitan dengan diet.

Selain itu objektif projek ini juga adalah untuk membangunkan laman web yang menarik, padat dan tidak membosankan dengan menggunakan microsoft front page 2000. Ia juga menggunakan sistem pengurusan bergrafik yang berlatarbelakangkan Dynamic HTML untuk memperbaharui data dan maklumat mengikut keadaan semasa disamping ASP untuk menyokong pangkalan data.

Pangkalan web ini memperuntukkan dua modul iaitu modul pengguna umum yang terdiri daripada modul diet, kiraan, produk, tips, maklumbalas dan dietisian serta modul pentadbir. Modul pentadbir adalah untuk pembangun sistem memperbaharui data dan mengawal maklumat yang terdapat di dalam pangkalan data tanpa dicerobohi.

Diharapkan dengan pembangunan sistem laman web diet anda ini, pengguna dapat mengakses maklumat dengan lebih pantas dan interaktif selaras dengan kecanggihan teknologi terkini.



# KANDUNGAN

## KANDUNGAN

Abstrak	20
Penghargaan	21
Senarai jadual	24
Senarai rajah	24
<b>Bab 1 - pengenalan</b>	<b>25</b>
1.0 Latar Belakang projek	1
1.1 Tujuan	2
1.2 Objektif	3
1.3 Sasaran Pengguna	4
1.4 Modul Skop Projek	4
1.5 Perancangan Projek	7
1.6 Organisasi Bab	8
<b>Bab 2 - Kajian Literasi</b>	<b>10</b>
2.0 Pencarian dan penghimpunan maklumat	10
2.1 Definisi diet	11
2.2 Kajian Kes kekurangan dan kelebihan nutrien	12
2.3 Kajian Produk Pengurusan Badan	15
2.4 Sumber Maklumat Diet	17
2.4.1 Internet	17
2.4.2 Rancangan Radio Dan TV	18
2.4.3 Risalah	18



2.4.4 Akhbar	20
2.4.5 Majalah	21
2.5 Fasa analisis	24
2.5.1 sampel	24
2.5.2 Borang soal selidik	25
2.5.2.1 Borang Soalselidik Laman Web diet anda	25
2.5.2.2 Output Borang Soalselidik Laman web Diet Anda	26
2.5.2.3 Borang Soalselidik Diet Harian Anda	29
2.5.2.4 Output Borang Soalselidik Diet Harian Anda	30
2.6 Analisis terhadap laman web diet	32
2.7 Sintesis	40
<b>Bab 3 - Metodologi</b>	
3.0 Definisi Prototaip	41
3.1 Model Proses	41
3.1.1 Prototaip Evolutionary	42
3.1.2 Kelebihan Model Prototaip	44
3.1.3 Kekurangan Model Prototaip	45
3.2 Analisis Keperluan	45
3.2.1 Keperluan Fungsian	46
3.2.1.1 Kegagalan melaksanakan sesetengah modul	48
3.2.2 Keperluan Bukan Fungsian	49
3.3 Keperluan Peralatan	50
3.3.1 Perisian	50

3.3.1.1 Microsoft Access 2000	51
3.3.1.2 Personal web server 4.0	51
3.3.1.3 Microsoft Frontpage 2000	52
3.3.1.4 Kesimpulan pertimbangan peralatan pembangunan	53
3.3.2 Perkakasan	53
3.4 Rekabentuk Sistem	54
3.4.1 Rekabentuk Antaramuka pengguna	55
3.4.2 Rekabentuk Struktur Sistem	57
<b>Bab 4 - pengaturcaraan</b>	
4.0 Pengaturcaraan	65
4.1 Peralatan pengaturcaraan	65
4.1.1 Hypertext markup language & dynamic HTML	66
4.1.2 Javascript	66
4.1.3 Active server pages	67
4.2 Kaedah pengaturcaraan	68
4.3 Pendekatan pengaturcaraan	68
4.4 Dokumentasi	69
<b>Bab 5 - Pengujian &amp; penilaian</b>	
5.0 Pengujian	70
5.1 Pengujian modul	70



5.2 Pengujian integrasi	71
5.2.1 Pengujian integrasi sandwich	71
5.3 Pengujian sistem	73
5.3.1 Pengujian fungsian	73
5.3.2 Pengujian Pelaksanaan	73

## Bab 6 - Gambaran sistem

6.0 Kelebihan sistem	75
6.0.1 Kelebihan mod pengguna	75
6.0.2 Kelebihan mod pentadbir	76
6.1 Kekangan sistem	77
6.2 Perancangan masa depan	78
6.3 Penyelesaian kepada masalah	79
6.4 Kesimpulan	80

Lampiran A

Lampiran B

Manual pengguna

Manual pentadbir

Rujukan

Rujukan

## Senarai Jadual

Jadual 2.1	kes kekurangan nutrien di Pulau Pinang pada 1998	12
Jadual 2.2	Kes kekurangan serta kelebihan nutrien di Pulau Pinang pada tahun 1999	13
Jadual 2.3	Produk Pengurusan Badan	14
Jadual 2.4	Penempatan maklumat diet dalam ruangan akhbar tempatan	20
Jadual 2.5	Ruangan diet dalam majalah	22
Jadual 2.6	Kedai yang menjual majalah kesihatan	23
Jadual 2.7	Jenis - jenis maklumat diet	27
Jadual 2.8	Jenis makanan pilihan	31
Jadual 2.9	Analisis terhadap laman web diet	39
Jadual 3.1	Perisian digunakan	50
Jadual 3.2	Perkakasan Cadangan	53



## Senarai Rajah

Rajah 1.1	Modul Skop projek	4
Rajah 1.2	Aktiviti perancangan keseluruhan projek	8
Rajah 3.1	Prototaip Evolutionary	43
Rajah 3.2	Antaramuka pengguna laman web diet anda	56
Rajah 3.3	Modul utama laman web diet anda	57
Rajah 3.3.1	Modul diet	58
Rajah 3.3.2	Modul kiraan	59
Rajah 3.3.3	Modul produk	60
Rajah 3.3.4	Modul tips	61
Rajah 3.3.5	Modul maklumbalas	62
Rajah 3.3.6	Modul dietisian	63
Rajah 3.3.7	Modul pentadbir	64

# **BAB 1**

# **PENGENALAN**



## 1.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Perkataan komputer bukanlah suatu yang janggal bagi kita. Ini kerana di zaman gelodak teknologi maklumat, komputer dianggap sebagai nadi dalam kehidupan kita. Tanpa komputer, banyak kerja terbengkalai dan tidak dapat diselaraskan. Oleh itu adalah penting bagi kita semua untuk memahirkan serta menguasai bidang teknologi maklumat ini.

Internet atau rangkaian komputer telah pun wujud sejak tahun 60an lagi, cuma ia mula diperkatakan mulai tahun 90an. Internet atau perpustakaan maklumat adalah salah satu sumber pencarian maklumat yang penting abad ini. Pelbagai maklumat seperti perniagaan, perkhidmatan, hiburan dan sebagainya boleh diperolehi daripada sumber ini. Jadi tidak hairanlah jika dikatakan internet sebagai alatan teknologi yang terancang zaman ini.

Walaupun kita dibebankan dengan pelbagai tugas, namun adalah penting bagi kita menjaga kesihatan dengan mengamalkan pemakanan yang seimbang. Jika tidak, kesihatan kita mungkin terganggu dan seterusnya memberi kesan kepada tugas kita. Biasanya maklumat yang berkaitan dengan diet boleh diperolehi daripada akhbar, majalah dan risalah - risalah diet.

Selain daripada sumber - sumber yang disenaraikan di atas, sumber alternatif lain yang boleh digunakan ialah web. Melalui web

## 1.2 OBJEKTIF

pelbagai maklumat yang berkaitan dengan diet boleh diperolehi. Namun begitu, kebanyakan maklumat ini adalah dalam bahasa inggeris.

Laman web **diet anda** adalah projek pembangunan laman web yang menggunakan bahasa melayu. Melalui penggunaan bahasa melayu, diharapkan mesej yang hendak disampaikan lebih jelas kepada pengguna terutamanya pengguna tempatan dan seterusnya dapat mempraktikkannya.

## 1.1 TUJUAN

Kita seringkali dihantui dengan pelbagai masalah seperti kegemukan, penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi dan sebagainya. Ini mungkin terjadi kerana kita kekurangan maklumat serta kecekapan pengetahuan tentang aspek - aspek yang berkaitan diet.

Oleh itu tujuan utama projek laman web diet anda dibangunkan adalah untuk menambahkan pengetahuan disamping memperkayakan lagi maklumat berkaitan dengan diet dalam bahasa melayu. Dengan ini citarasa pengguna tempatan dapat dipenuhi.




## 1.2 OBJEKTIF

### 1.3 SASARAN PENGGUNA

Projek Laman web diet anda ini adalah berdasarkan beberapa objektif seperti yang disenaraikan di bawah:

- Membangunkan suatu laman web diet versi bahasa melayu
- Menyediakan satu laman web yang ramah pengguna (user friendly)
- Merekabentuk antaramuka pengguna grafik yang menarik
- Membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem pangkalan data yang dinamik
- Menjadikan laman web lebih menarik dan interaktif dengan menggunakan aplikasi multimedia seperti swish 1.5 dan macromedia dreaanweaver
- Dijadikan sebagai sumber rujukan alternatif selain daripada akhbar, majalah, risalah dan sebagainya
- Mempunyai modul - modul yang sesuai dengan laman web diet anda yang dibangunkan seperti modul diet, kiraan, produk, tips, maklumbalas, dietisian dan pentadbir
- Menambah pengetahuan serta kefahaman sebenar tentang diet
- Meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai pentingnya pengamalan diet yang seimbang




Rajah 1.1 modul skop projek

1.3 SASARAN PENGGUNA

Sasaran pengguna boleh ditakrifkan sebagai kumpulan terbesar yang akan mengaplikasikan sistem tersebut disamping memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi sistem yang akan dibangunkan. Bagi sistem laman web diet ini, golongan remaja dan dewasa rakyat Malaysia merupakan kumpulan sasaran utama.

1.4 MODUL SKOP PROJEK



Rajah 1.1 modul skop projek



## f) Struktur pemakanan

### a) Produk pengurusan badan

Dipasaran kita dijamu oleh pelbagai produk pengurusan badan, antaranya ialah teh herba "slimming tea". Fungsi serta harga bagi setiap produk dipaparkan dan diterangkan dengan lebih lanjut.

### b) Penerangan tentang penyakit yang berpunca daripada pemakanan yang tidak seimbang

Ini termasuklah penyakit - penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, lemah jantung dan sebagainya.

### c) Senaman yang sesuai

Memberi panduan tentang senaman yang sesuai bagi lelaki dan wanita serta pembakaran kalori untuk setiap jenis senaman yang dipaparkan.

### d) Pengiraan Body mass index

Pengguna dapat mengira body mass index hanya dengan memasukkan nilai ketinggian dan berat badan masing - masing.

### e) Bahan gantian tambahan

Kadangkala makanan yang diambil kekurangan beberapa zat yang diperlukan oleh badan. Oleh itu adalah menjadi satu keperluan untuk mengambil bahan gantian tambahan seperti vitamin bagi memenuhi keperluan badan.

**f) Struktur pemakanan**

Mengkategorikan makanan mengikut kelas - kelas tertentu seperti protein, karbohidrat, lemak dan sebagainya. Nilai kalori tenaga yang diperlukan oleh setiap peringkat umur turut disertakan disamping memberikan panduan ke arah pemakanan yang sihat. Penerangan juga diberikan tentang makanan - makanan yang mengandungi kolesterol

**g) tips - tips diet**

Membahagikan tips - tips diet kepada 4 kategori utama iaitu pemakanan dan Nutrisi, permainan minda, senaman serta tips dari pembaca

**h) Kes study**

Memberi contoh tentang pesakit anoreksia nervosa dan bulimia nervosa yang disebabkan oleh pengamalan diet yang tidak seimbang.

**i) maklumbalas**

Ruangan maklumbalas ini disediakan untuk membolehkan pengguna Memberikan pendapat serta komen mereka tentang laman web yang Dibangunkan ini.

**j) Ruangan sejenak bersama "dietisian anda"**

Ruangan ini membolehkan pengguna mengemukakan sebarang kemusykilan soalan kepada pakar diet dengan menghantar E - mail atau menjelajah ke ruangan soalan kerap ditanya (FAQ).



## 1.5 PERANCANGAN PROJEK


Perancangan projek biasanya dilakukan dari awal pembangunan sehinggalah sistem itu berjaya diimplementasikan. Sistem laman web diet anda ini melibatkan 2 semester iaitu bermula dari bulan Jun hingga September 2000 untuk semester I dan dari bulan November hingga Februari untuk semester II.

### Bahagian pertama (semester pertama)

Pada peringkat awal pembangunan projek proses pemahaman serta penentuan objektif dilakukan. Ini diikuti pula dengan kajian mendalam berkenaan aplikasi yang ingin dibina. Peringkat terakhir melibatkan proses analisis seperti penentuan jenis perisian dan perkakasan serta rekabentuk kasar sesuatu sistem.

### Bahagian kedua (semester II)

Pada peringkat ini segala maklumat yang telah dikumpulkan pada bahagian pertama digunakan untuk proses pembangunan sistem. Selepas itu sistem yang telah siap dibangunkan diuji, diimplementasikan dan dinilai sebelum didokumentasikan.



Rajah 1.2 aktiviti perancangan keseluruhan projek

1.6 ORGANISASI BAB

a) Bab 1 - pengenalan

Bab ini menerangkan secara menyeluruh dan ringkas tentang tujuan, objektif, sasaran, skop serta perancangan projek.

b) Bab 2 - kajian literasi

Berkisar kajian yang dijalankan bagi mengumpulkan maklumat sebelum



pembangunan sistem dimulakan. Perbandingan juga dilakukan terhadap beberapa laman web diet yang sedia ada bagi mengenalpasti kebaikan serta kelemahan setiap laman web.

### **c) Bab 3 - Metodologi**

Analisis terhadap model proses, perisian dan perkakasan yang akan digunakan serta keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian sistem.

# **BAB 2**

# **KAJIAN LITERASI**



## 2.0 PENCARIAN DAN PENGHIMPUNAN MAKLUMAT

Proses pencarian dan penghimpunan maklumat amat penting untuk pembangunan sesuatu laman web. Tanpa maklumat tidak mungkin sesuatu sistem dapat dibangunkan. Antara sumber - sumber maklumat adalah seperti berikut :

### a) Bahan bercetak

Banyak konsep, idea dan definisi yang berkaitan boleh diperolehi daripada akhbar, majalah dan risalah.

### b) Laman web di internet

Pencarian maklumat juga dilakukan dengan melayari internet. Antara maklumat yang diperolehi daripada internet adalah seperti perisian dan perkakasan yang akan digunakan dalam pembangunan sistem nanti.

### c) Perbincangan dengan penyelia

Bagi memperbaiki pemahaman mengenai sistem yang bakal dibangunkan, perbincangan dengan penyelia amat penting . Selain itu penyelewengan daripada objektif sebenar projek dapat dihindari.

### d) Buku - buku rujukan

Kebanyakan buku rujukan digunakan untuk menentukan model - model prototaip, perisian serta perkakasan yang bersesuaian dengan sistem laman web yang akan dibangunkan.

**e) soal selidik**

Bagi mengetahui keperluan pengguna yang sebenar, borang soal selidik digunakan dan outputnya digunakan dalam pembangunan sistem web.

**f) Temuramah**

Temuramah telah diadakan dengan Encik Md Hashim bin Md Ismail, pembantu pembangun masyarakat (perubatan) Hospital Pulau Pinang bagi mengkaji kes kekurangan serta kelebihan nutrien di sekitar Pulau Pinang.

**g) Perbincangan umum**

Selain daripada sumber - sumber rujukan di atas, perbincangan bersama rakan - rakan juga dilakukan bagi mendapatkan pandangan serta komen mereka tentang kepentingan pembangunan laman web diet ini.

**2.1 DEFINISI DIET**

Perkataan diet berasal daripada perkataan Greek iaitu "diaita " yang merujuk kepada kehidupan seseorang itu secara keseluruhan. Sekarang ini istilah diet hanya dihadkan kepada tabiat makan dan minum seseorang : cara pemakanan seharian, kualiti dan kuantiti makanan dan juga kekerapan memakan.



Bagi kebanyakan orang, perkataan diet membawa maksud pemilihan makanan untuk tujuan yang spesifik. Pemahaman ini membolehkan diet digunakan untuk mengawal berat badan. Diet bagi pengawalan berat badan digunakan untuk mengekalkan berat yang malar, menambah atau mengurangkan berat.

Kebanyakan orang berpendapat diet sebagai penghadan makanan untuk mengurangkan berat badan. Menurut kajian yang dijalankan, lebih kurang 95 % orang yang mengamalkan **crash diet** iaitu bertujuan menurunkan berat badan secara pantas, akan mengalami pertambahan berat badan yang lebih dari biasa dan juga lebih lemak dari otot.

2.2 KAJIAN KES KEKURANGAN DAN KELEBUHAN NUTRIEN

Kes	Bilangan
Other protein calorie malnutrition	2

Jadual 2.1 Kes kekurangan nutrien di Pulau Pinang pada tahun 1998

Kes	Bilangan
Obesity	3
Other malnutrition	3
Nutritional deficiency	1

Jadual 2.2 kes kekurangan serta kelebihan  
nutrien di Pulau Pinang pada  
tahun 1999

Pengetahuan mengenai kepentingan nutrisi dan nutrisi yang betul dapat memelihara kesihatan. Sebaliknya, pengamalan nutrisi yang salah akan menimbulkan pelbagai masalah kesihatan.

Masalah kesihatan bersabit dengan nutrisi termasuklah keracunan makanan, malnutrisi, kekurangan nutrisi, kegendutan dan anoreksia nervosa.

Jadual 2.1 di atas menunjukkan kes kekurangan nutrisi di sekitar Pulau Pinang pada tahun 1998. Didapati 2 orang pesakit kekurangan pengambilan zat protein. Akibatnya risiko mereka menghadapi penyakit kwasyiorkor adalah tinggi. Oleh itu adalah penting bagi kita mengambil semua jenis kategori makanan supaya tidak berlaku kekurangan mana - mana zat nutrien dalam badan.



Jadual 2.2 pula menunjukkan kes pengambilan nutrisi yang berlebihan dan berkurangan di sekitar Pulau Pinang pada tahun 1999. Obesiti akan berlaku apabila seseorang memakan lebih banyak makanan daripada yang diperlukan oleh badannya. Di Pulau Pinang sahaja terdapat 3 kes obesiti. Ini menunjukkan pesakit obes kurang peka dengan pengambilaliran makanan mereka.

Pengambilan gizi yang tidak seimbang, iaitu kekurangan atau berlebihan satu atau lebih nutrien dinamakan malnutrisi. Terdapat 2 kes yang berkaitan dengan malnutrisi.

Kes terakhir melibatkan 3 orang pesakit yang gagal untuk mengambil beberapa zat nutrien dalam badan seperti vitamin dan sebagainya.

Daripada kajian kes di sekitar Pulau Pinang sahaja, kita dapat membuat kesimpulan bahawa tahap masyarakat tentang pengamalan diet yang seimbang masih berada di tahap yang tidak memberangsangkan. Dengan itu pelbagai program yang berkaitan dengan nutrisi telah dilancarkan oleh pihak - pihak tertentu bagi meningkatkan pengetahuan serta kesedaran masyarakat keseluruhannya.

Minuman	Minuman	RM 25.00
Minuman	Minuman	RM 14.90
Minuman	Minuman	RM 18.00
Minuman	Minuman	RM 18.00
Minuman	Minuman	RM 40.00
(nonveguy)		
Krim sepuan	Krim sepuan	RM 80.00

2.3 KAJIAN PRODUK PENGURUSAN BADAN

Kemajuan yang pesat telah meningkatkan tahap obesiti dikalangan masyarakat Malaysia. Kebanyakan masyarakat kurang peka dengan penjagaan pemakanan mereka. Segala jenis bentuk makanan diambil tanpa melihat kepada kesan negatifnya. Pengabaian terhadap senaman juga menjadi faktor kepada meningkatnya kes obesiti. Peluang ini telah digunakan sebaiknya oleh pengeluar - pengeluar produk pengurusan badan untuk mempelbagaikan lagi produk pengeluaran mereka.

Jadual 2.3 di bawah menunjukkan kajian yang dilakukan ke atas 10 produk pengurusan badan yang terdapat di pasaran.

Nama produk	Cara penggunaan	Harga
Shimizu slimming salt	Mandian	RM 26.00
Nagaiki green tea	Minuman	RM 14.90
Mustika ratu slimming tea	Minuman	RM 18.00
Teh herba orang kampung	Minuman	RM 18.00
Mustajab lawas kencang (nonaroguy)	Minuman	RM 40.00
Body specific	Krim sapuan	RM 80.00



V – Tummy	Krim sapuan	RM 90.00
Minfat	Kapsul	RM 88.00
Exotrimme with chitosan & carcinia	Kapsul	RM 68.90
Adinax	Minuman	RM 225.00

Jadual 2.3 produk pengurusan badan

Daripada kajian dan pemerhatian yang dilakukan didapati kebanyakan produk pengurusan badan berbentuk teh mempunyai harga jauh lebih rendah berbanding dengan produk - produk pengurusan badan yang lain. Maka ia lebih menjadi tumpuan masyarakat.

Ini tidak bermakna produk pengurusan badan yang lain tidak mendapat sambutan masyarakat. Kebanyakan produk ini dibeli oleh golongan yang berpendapatan tinggi.

Jadi memang tidak dapat dinafikan lagi, kesemua produk pengurusan badan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua lapisan masyarakat Malaysia terutama golongan muda.

## 2.4 SUMBER MAKLUMAT DIET

Terdapat pelbagai cara digunakan untuk memperolehi maklumat tentang diet iaitu melalui:

- a) Internet
- b) Rancangan radio dan TV
- c) Risalah
- d) Akhbar
- e) Majalah

Kelima - lima sumber di atas boleh diperolehi dengan mudah.

### 2.4.1 INTERNET

Internet boleh diibaratkan sebagai sebuah gedung maklumat yang terpenting sejak kebelakangan ini. Keupayaan internet dalam pembekalan maklumat yang tidak terhad amat berguna.



Namun begitu daripada kajian yang dilakukan, memang tidak dapat dinafikan majoriti maklumat yang disediakan adalah dalam bahasa inggeris. Oleh itu sistem laman web yang akan dibangunkan kali ini cuba memperkayakan lagi maklumat berkaitan diet tetapi dalam bahasa melayu. Sistem laman web ini berupaya memenuhi keperluan maklumat semasa berkaitan diet bagi pelayar internet setempat yang lebih selesa menggunakan bahasa melayu.

#### 2.4.2 RANCANGAN RADIO DAN TV

Rancangan di radio dan TV juga banyak memaparkan maklumat tentang diet dan cara pemakanan yang baik. Rancangan Era sihat yang dikeudarakan di radio Era setiap hari jam 5 petang adalah contoh rancangan kesihatan yang berkaitan dengan diet.

Selain daripada rancangan di radio, rancangan di TV seperti bincang petang, majalah 3 juga kadang - kadang membincangkan masalah berkaitan diet walaupun tidak selalu. Ini sedikit sebanyak dapat menambah pengetahuan masyarakat setempat secara tidak langsung.

2.4.3 RISALAH

Pernahkan anda melihat risalah – risalah diet sebelum ini dan biasanya di manakah ia boleh diperolehi?

Risalah – risalah diet ini biasanya hanya boleh diperolehi di klinik – klinik kerajaan atau swasta atau di farmasi –farmasi tertentu. Biasanya ia akan menceritakan tentang faktor –faktor berkaitan diet dan kemudian di bawahnya barulah ia akan cuba mempromosikan produk –produk keluarannya. Risalah ini biasanya memberi gambaran ringkas tentang sesuatu perkara.

Penggunaan warna serta gambar yang pelbagai secara tidak langsung dapat menarik perhatian pengguna untuk mengambil dan membaca risalah ini. Selain menyediakan maklumat tentang diet ia juga sekaligus berjaya mempromosikan produk – produk keluarannya.



2.4.4 AKHBAR

Jadual 2.4 di bawah menunjukkan keputusan daripada kajian tentang penempatan maklumat diet di dalam akhbar tempatan selama seminggu.

Nama akhbar	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
Berita Harian	x				x		
Utusan Malaysia				x		x	x
The Star	x	x	x				x
The Sun	x			x		x	
The New Straits times		x					

Jadual 2.4 Penempatan maklumat diet dalam ruangan akhbar tempatan

Fungsi utama akhbar ialah untuk menyampaikan berita terkini kepada masyarakat dari pelbagai sudut termasuklah perniagaan, sukan, hiburan dan sebagainya.

Kajian kali ini dilakukan untuk mengenalpasti samada terdapat maklumat yang berkaitan diet dimuatkan ke dalam ruangan akhbar. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pihak akhbar terutama **The New Straits Times** kurang menunjukkan minat tentang diet. Jarang sekali kita menjumpai maklumat berkaitan diet di dalam akhbar tempatan. Ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat masih lemah.

Nama majalah	Nama ruangan	Bil mukecutat
Wanita	Kesihatan	2
Keluarga	Infosihat, kecermatan dan kesihatan	2
Perempuan	Dr. anda	3
Jalra	Sains dan kesihatan	4

2.4.5 MAJALAH

Selain daripada akhbar, media cetak lain yang boleh digunakan sebagai sumber maklumat diet ialah majalah. Terdapat pelbagai jenis majalah yang dijual dipasaran. Namun kebanyakan daripada majalah ini memaparkan ruangan diet yang amat terhad atau tiada langsung.

Terdapat 2 jenis kategori majalah iaitu:

- a) berbentuk umum
- b) berbentuk kesihatan



Kebanyakan daripada majalah umum ini lebih memberi penumpuan kepada mempromosikan produk - produk diet. Jadual 2.3 di bawah menunjukkan nama ruangan diet di setiap majalah

Nama majalah	Nama ruangan	Bil mukasurat
Wanita	kesihatan	2
Keluarga	Infosihat,kecantikan dan kesihatan	2
Perempuan	Dr. anda	2-3
Jelita	Sains dan kesihatan	4

Jadual 2.5 ruangan diet dalam majalah

Bagi majalah berteraskan kesihatan, maklumat diet yang dipaparkan adalah lebih banyak berbanding majalah umum. Namun kebanyakan majalah ini sukar diperolehi di pasaran dan kosnya juga agak tinggi.

Jadual di bawah pula menunjukkan kajian yang dijalankan ke atas 5 buah kedai di sekitar Petaling Jaya yang menjual majalah kesihatan.

<b>Nama majalah/ Nama kedai</b>	<b>Health Today</b>	<b>Health &amp; beauty</b>	<b>Fitness World Asia</b>	<b>Malaysian Health</b>
MPH seksyen 14	x		x	
MPH Jaya		x		
MPH Bangsar			x	x
Kedai buku UM	x			
Kedai Joo Heng	x			

**Jadual 2.6 Kedai yang menjual majalah kesihatan**

Selain daripada faktor diatas, faktor bahasa juga memainkan peranan yang penting. Ini kerana kebanyakan majalah ini adalah dalam bahasa inggeris dan ini kurang menarik perhatian masyarakat tempatan untuk membelinya. Majoriti daripada majalah ini adalah terbitan luar negara. Jadi kebanyakan bentuk makanan yang diuraikan kurang bersesuaian dengan makanan tempatan.



## 2.5 FASA ANALISIS

Sebelum sesuatu sistem itu dibangunkan, keperluan pengguna perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Jika sistem yang dibangunkan menyimpang dari kehendak dan keperluan pengguna, maka ia tidak berguna. Oleh itu keperluan pengguna adalah aspek penting yang perlu diambil kira dalam pembangunan sesuatu sistem.

a) Borang soalselidik laman web diet anda

b) Borang soalselidik diet harian anda

Pelbagai cara boleh digunakan untuk mengenalpasti keperluan pengguna seperti melalui temuramah, pemerhatian. Namun di dalam projek ini, borang soalselidik telah dipilih bagi mengenalpasti keperluan pengguna.

### 2.5.2.1 BORANG SOALSELIDIK LAMAN WEB DIET ANDA

#### 2.5.1 SAMPEL

Borang soalselidik laman web diet anda terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A hingga D. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi responden seperti bangsa, jantina, umur, status dan pekerjaan.

Borang soalselidik ini telah diedarkan kepada seramai 40 orang yang terdiri daripada pelajar sekolah, mahasiswa dan pekerja kerajaan serta swasta. Tempoh pengedaran serta pengumpulan semula borang soalselidik mengambil masa lebih kurang seminggu.

Penyebaran borang soalselidik ini dilakukan melalui internet untuk mengelakkan terdapat sumber – sumber maklumat diet yang menjadi pilihan responden, ketepatan serta bucuah melayari internet, sebab pemilihan internet dan tempat kebiasaan mengakses internet.

## 2.5.2 BORANG SOALSELIDIK

Soalselidik adalah salah satu teknik yang digunakan oleh penganalisa sistem untuk mengenalpasti keperluan pengguna terhadap sistem. Terdapat dua jenis borang soalselidik yang diedarkan:

- a) Borang soalselidik laman web diet anda
- b) Borang soalselidik diet harian anda

### 2.5.2.1 BORANG SOALSELIDIK LAMAN WEB DIET ANDA

Borang soalselidik laman web diet anda terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A hingga bahagian D. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi responden seperti bangsa, jantina, umur, status dan pekerjaan.

Bahagian B pula bertujuan untuk mengetahui tentang sumber - sumber maklumat diet yang menjadi pilihan responden, kekerapan serta tujuan melayari internet, sebab pemilihan internet dan tempat kebiasaan mengakses internet.



Bahagian C pula, lebih cenderung kepada soalan berkisar laman web diet seperti bahagian yang menjadi pilihan responden apabila menjelajah laman web diet, serta komen terhadap laman web diet yang sedia ada.

Bahagian D atau bahagian terakhir membincangkan tentang bahasa yang menjadi pilihan responden serta sebab pemilihan bahasa tersebut.

**2.5.2.2 OUTPUT BORANG SOALSELIDIK LAMAN WEB DIET ANDA**

Daripada keputusan yang diperolehi didapati 45% adalah pelajar dan selebihnya adalah orang yang bekerja. Responden perempuan melibatkan 66.7% daripada keseluruhan sampel dan 33.3% adalah responden lelaki. Kebanyakan responden adalah berbangsa melayu, diikuti cina, india, Iban dan lain - lain. Majoriti responden adalah dalam lingkungan 20 - 30 tahun.

Majalah mencatatkan sumber pilihan tertinggi bagi memperolehi maklumat diet iaitu 35% diikuti risalah diet 25%, buku 15%, iklan dan akhbar 10% serta internet hanya 5%. Didapati tiada seorang responden pun memilih CD - ROM bagi memperolehi maklumat diet. Ini menunjukkan masyarakat kurang berminat untuk mendapatkan maklumat menggunakan peralatan teknologi maklumat.

Didapati tujuan utama kebanyakan responden mengakses internet adalah untuk mencari maklumat. Tiada seorang responden pun yang menggunakan kemudahan E - commerce untuk aktiviti jual beli. Dapat disimpulkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia lebih suka keluar membeli belah daripada terus membuat pesanan menggunakan internet.

Produk - produk diet	9
Discussion board	10
	11

Maklumat yang tidak terhad di internet telah menjadi faktor utama kenapa sesetengah responden memilih internet sebagai sumber maklumat diet selain daripada faktor menarik, murah dan mudah dicapai.

Deripada jawapan responden, didapati laman web diet kurang diminati. Kini boleh disimpulkan setiap rumah mempunyai capaian internet.

Didapati 53.8% responden menggunakan capaian internet di rumah, 28.5% di cybercafe, 10% di tempat pengajian, 5.4% di pejabat dan 2.3% di rumah kawan

Jadual 2.7 menunjukkan kedudukan jenis - jenis maklumat diet yang menjadi pilihan responden apabila mengakses internet

Jenis Maklumat	Kedudukan
Panduan pemakanan yang baik	1
Penyakit	2
Nilai kalori makanan	3
Senaman yang sesuai	4
Healthy recipe	5



2.5.2.3 BORANG SOAL SELIDIK DIET HARIAN ANDA

Pengiraan body fat calculator	6
Kelas makanan	7
Bahan gantian tambahan	8
Ruangan bersama "dietition anda"	9
Produk - produk diet	10
Discussion board	11

Jadual 2.7 jenis - jenis maklumat diet

Daripada jawapan responden, didapati laman web diet kurang diminati pengguna kerana maklumat yang dipaparkan kebanyakan sukar difahami, membosankan,terdapat pengulangan maklumat dan kebanyakannya kurang kreatif.

Bahagian terakhir analisis mendapati 54.5% memilih bahasa melayu sebagai bahasa pilihan untuk memperolehi maklumat tentang diet, diikuti 27.2% bahasa inggeris dan 18.8% bahasa cina. Bahasa melayu dipilih kerana ia lebih mudah difahami.

Didapati kebanyakan responden belum pernah melihat laman web diet dalam versi bahasa melayu. Oleh itu adalah penting untuk menghasilkan laman web diet anda ini bagi menarik minat penduduk tempatan. Borang kajian laman web diet anda diletakkan di bahagian lampiran.

### 2.5.2.3 BORANG SOALSELIDIK DIET HARIAN ANDA

Bagi mengetahui tentang cara pengamalan diet harian individu, borang soalselidik kedua iaitu diet harian anda telah diedarkan.

Borang soalselidik ini terbahagi kepada 6 bahagian, iaitu bahagian A hingga bahagian F. Bahagian A seperti juga dalam borang soalselidik laman web anda memaparkan maklumat peribadi responden tetapi ditambah dengan ketinggian dan berat badan responden.

Bahagian B mengandungi 4 soalan yang bertujuan untuk mengetahui tentang pengamalan makanan dan minuman responden.

Bahagian seterusnya iaitu bahagian C, bagi mengenalpasti tentang aktiviti senaman responden serta waktu yang menjadi pilihan responden untuk melakukan senaman.

Bahagian keempat pula berkisar tentang produk pengurusan badan yang menjadi pilihan responden.



Bahagian E bertujuan untuk mengenalpasti samada responden pernah mengambil bahan gantikan tambahan seperti vitamin dalam diet harian mereka.

Jenis makanan	Kedudukan
Makanan bergoreng	1
Makanan berprotein	2
Makanan fastfood	3
Makanan berair	4
Makanan berzat besi	5

Bahagian terakhir ialah bahagian F, untuk mengenalpasti tentang penyakit yang dihadapi oleh responden.

#### 2.5.2.4 OUTPUT SOALSELIDIK DIET HARIAN ANDA

Di dalam soalselidik diet harian anda, didapati 53.8% memakan dengan kadar 3 kali sehari dan biasanya waktu tengahari menjadi waktu pilihan utama. Dalam peraturan diet yang sebenar, waktu makan pagi patut diberi keutamaan. Ini kerana jika kita tidak mengambil makanan pada waktu pagi asid dari perut akan keluar dan menyebabkan kita mengalami sakit gastrik. Keadaan malas atau terpaksa bergegas ke pejabat mungkin menjadi faktor kenapa kebanyakan masyarakat kita lupa untuk makan pada waktu pagi.

Purata menunjukkan majoriti responden mengambil 8 gelas air sehari dan sebanyak 42.9% memilih air buah - buahan sebagai minuman kegemaran, diikuti 35.7% air bersusu, 21.4% air bergas dan selebihnya air kosong.

Jadual 2.8 di bawah menunjukkan jenis makanan yang menjadi pilihan responden mengikut tertib menurun

Jenis makanan	kedudukan
Makanan bergoreng	1
Makanan bersup	2
Makanan yang dipanggang	3
Makanan fastfood	4
Makanan berstim	5

Jadual 2.8 jenis makanan pilihan

Daripada keputusan jenis pilihan makanan, didapati minoriti responden memilih makanan berstim manakala majoriti responden memilih makanan yang bergoreng. Ini mungkin disebabkan oleh faktor budaya pemakanan yang telah sebatikan dengan intipati kehidupan masyarakat yang sukar diubah.

2.5 ANALISIS TERHADAP LAMAN WEB DIET

Daripada analisis didapati 97% responden pernah melakukan senaman dan kebanyakan memilih jogging sebagai senaman utama. Namun didapati majoriti golongan profesional jarang melakukan senaman, mungkin disebabkan faktor kesibukan di pejabat yang memaksa mereka untuk pulang lewat dari kerja.

Dari segi produk pengurusan badan, golongan lelaki kurang mengamalkannya dibandingkan dengan golongan wanita. Ini kerana golongan wanita lebih dihantui dengan masalah berat badan yang abnormal. Teh herba




kelangsingan badan menjadi pilihan kebanyakan responden disebabkan harganya yang lebih rendah.

Kekurangan kesedaran pengambilan bahan gantikan tambahan jelas kepada kita. 71.4% responden tidak pernah mengambil bahan gantikan tambahan sebelum ini. Kecetekan ilmu diet mungkin menjadi faktor mengapa responden kurang memahami tentang kepentingan pengambilan bahan gantikan tambahan ini bagi menampung keperluan badan.

Kebanyakan responden enggan mengulas bahagian yang terakhir, iaitu bahagian yang berhubung dengan penyakit. Penyakit mungkin dianggap sebagai sesuatu yang peribadi dan tidak mahu didedahkan kepada pengetahuan umum.

## **2.6 ANALISIS TERHADAP LAMAN WEB DIET**

Sebelum sesuatu sistem laman web berkonsepkan diet dibangunkan, adalah penting untuk membuat analisis terhadap beberapa laman web diet yang sedia ada bagi mencari kelemahan serta kebaikan laman masing - masing. Dengan ini kelemahan yang dikenalpasti tidak akan diulangi lagi di dalam pembangunan laman web diet anda nanti.



<http://www1.mhv.net/~donna/diet.html>


#### Kebaikan:

- Terdapat laman contest yang dapat menarik minat pengguna
- Cara pengiraan body calculator yang baik disebabkan mengambil kira semua faktor seperti tahap aktiviti, pengagihan kalori dan sebagainya.



**Kelemahan:**

- Penggabungan warna latar dan tulisan yang kurang menarik
- Penggunaan tulisan yang terlalu kecil
- Paparan sub modul yang terlampau banyak sehingga mengelirukan pengguna
- Paparan maklumat berbentuk esei yang membosankan
- Kebanyakan laman tidak dapat diakses



<http://members.theglobe.com/amir68/>


**Kebaikan:**

- Penyediaan maklumat mengikut spesifikasi kerja
- Paparan maklumat ringkas dan mudah difahami
- Melibatkan penjualan produk secara E - commerce

**Kelemahan:**

- Pengulangan maklumat
- Penggunaan gambarajah yang kurang sesuai dengan topik
- Penggabungan warna latar dan tulisan yang kurang menarik
- Paparan maklumat yang berlainan daripada topik
- Mencampuradukkan antara soalan kepada panel dengan tips - tips
- Mencampuradukkan antara bahasa melayu dengan bahasa inggeris
- Majoriti laman paparan tidak dapat dibuka sepenuhnya






<http://www.dietsite.com/diets/index.htm>

#### Kelemahan:

- Tulisan yang digunakan terlalu kecil
- Paparan maklumat berbentuk teks dan esei yang membosankan
- Tidak menggunakan ruang dengan sebaiknya
- Penggunaan latar yang pudar dan tidak ceria
- Paparan maklumat yang berbeza daripada topik
- Paparan laman web yang kurang matang





<http://www.geocities.com/hotsprings/1888>

#### Kelemahan:

- Tulisan yang digunakan terlalu kecil
- Paparan maklumat
- Banyak laman masih dalam pembinaan dalam bentuk esei dan teks yang membosankan
- Tidak menggunakan ruang dengan sebaiknya



Daripada analisis yang dibuat didapati kebanyakan laman web diet yang sedia ada memaparkan ciri - ciri yang kurang menarik. Salah satu kelemahan yang ketara ialah penggunaan warna latar yang tidak sesuai serta penggunaan tulisan yang terlalu kecil.

Majoriti laman memaparkan maklumat dalam bentuk esei yang membosankan. Selain itu kebanyakan laman tidak dapat dibuka sepenuhnya dan masih dalam pembinaan. Terdapat banyak ruang yang dibazirkan dengan begitu sahaja. Pengulangan maklumat serta paparan maklumat yang berlainan daripada topik juga banyak dikesan dalam laman web diet yang dianalisis ini.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah majoriti pengguna mungkin kurang berminat untuk melayari laman web diet kerana kebanyakan laman web diet ini tidak memenuhi kehendak mereka disamping faktor - faktor kelemahan yang dinyatakan di atas.

Jadual di mukasurat sebelah menunjukkan ciri - ciri yang terdapat pada 4 buah laman web diet yang telah dianalisis sebelum ini. Tanda x pada jadual tersebut menunjukkan bahawa laman web itu mempunyai ciri yang dinyatakan.

Bil	URL	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)
a)	Http://www.mhv1.net/~donna/diet.htm	X				X	X
b)	Http://members.theglobe.amir68/	X				X	X
c)	<u>Http://www.dietsite.com/diets/index.htm</u>	X	X	X	X	X	
d)	http://www.geocities.com/hotsprings/1888	X					

Jadual 2.9 analisis terhadap laman web diet

Petunjuk:

- (i) - imej/grafik
- (ii) - animasi
- (iii) - audio
- (iv) - bingkai
- (v) - jadual
- (vi) - hiperlink

Didapati hampir kesemua laman web yang dianalisis memaparkan imej dan juga grafik, namun begitu tiada satu laman web pun yang menggunakan teknik audio seperti selingan muzik dalam laman web mereka. Dengan menambahkan selingan muzik, secara tidak langsung ia dapat menarik perhatian pengguna untuk terus melayari laman web yang disediakan. Majoriti laman web ini juga mempunyai pautan ke laman web lain yang menyediakan maklumat lanjut tentang sesuatu perkara.



## 2.7 SINTESIS

Sebelum laman web diet dibangunkan, borang soalselidik telah diedarkan bagi mengkaji ciri -ciri yang diingini oleh pengguna. Selepas ciri ini dikenalpasti, maka barulah laman web diet ini dibangunkan.

Terdapat 6 modul yang dimuatkan ke dalam laman web ini iaitu modul diet, kiraan, produk, tips, maklumbalas, dietition dan yang terakhir sekali modul pentadbir. Laman web ini juga dipautkan ke laman web lain yang menyediakan maklumat lanjut tentang sesuatu perkara. Tujuan pautan ini diadakan supaya pengguna dapat menjelajah ke laman - laman yang lain.

Laman web ini tidak menyediakan sebarang promosi untuk jualan produk - produk diet. Ia tidak memapar ciri E - dagang kerana dirasakan kurang sesuai dengan objektif projek.

# **BAB 3**

# **METODOLOGI**



### 3.0 DEFINISI PROTOTAIP

Prototaip adalah proses yang membenarkan pembangun sistem untuk mereka model perisian yang perlu dibangunkan secara berterusan dan cepat supaya pengguna dapat menyelidiki berulang kali dan mengubah keputusan mengikut kehendak mereka.

Sebenarnya ia adalah aplikasi perjalanan sebuah model. Prototaip tidak mengandungi kesemua gambaran dan kenyataan ke atas fungsi yang biasa digunakan di akhir sistem tetapi ia mengandungi elemen-elemen yang mencukupi untuk membenarkan pengguna menggunakan sistem itu dan memberikan maklumbalas ke atasnya.

### 3.1 MODEL PROSES

Bagi membangunkan sistem laman web diet ini, model proses yang dipilih adalah model prototaip. Model prototaip ini boleh dibahagikan kepada :


- a) Throw away
- b) Evolutionary

**a) Throw away**

Fungsi prototaip ini adalah untuk menjelaskan keperluan dan menyediakan maklumat tambahan untuk pengurus bagi menaksirkan risiko proses. Selepas penilaian, prototaip ini akan dibuang. Ia tidak digunakan sebagai asas untuk pembangunan sistem selanjutnya.

**c) Evolutionary**

Berasaskan idea membangunkan implementasi pada peringkat awal, kemudian mendedahkan kepada komen pengguna dan "refining" langkah ini melalui beberapa peringkat sehingga sistem yang lengkap berjaya dibangunkan.




Rajah 3.1 prototaip Evolutionary

Rajah di atas menunjukkan proses bagi prototaip evolutionary. Bagi sistem laman web diet anda, model prototaip evolutionary telah dipilih. Ini kerana keperluan sistem telah pun diketahui. Satu kelebihan model ini ialah ia membolehkan perubahan yang penting dibuat ke atas sistem apabila terdapat permintaan yang baru dikemukakan oleh pengguna.



3.1.1 PROTOTAIP EVOLUTIONARY



Rajah 3.1 prototaip Evolutionary

Rajah di atas menunjukkan proses bagi prototaip evolutionary. Bagi sistem laman web diet anda, model prototaip evolutionary telah dipilih. Ini kerana keperluan sistem telah pun diketahui. Satu kelebihan model ini ialah ia membolehkan perubahan yang pantas dibuat ke atas sistem apabila terdapat permintaan yang baru dikemukakan oleh pengguna.

### 3.1.2 KELEBIHAN MODEL PROTOTAIP

- a) Penglibatan pengguna semasa pembangunan sistem dapat mengurangkan risiko projek. Ini kerana permintaan yang tepat terhadap sistem dapat dibuat.
